



12 November 2016
SIARAN MEDIA

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH HARI KOPERASI SEKOLAH DAN
KONVENSYEN PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KOPERASI SEKOLAH
PERINGKAT KEBANGSAAN 2016**

Alor Star, 12 November 2016 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini telah menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Hari Koperasi Sekolah (HKS) dan Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah (KPKKS) Peringkat Antarabangsa dengan kerjasama **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** bertempat di Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah. Majlis yang berlangsung selama dua hari dirasmikan oleh **Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid** serta turut dihadiri oleh **Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Haji Abdul Fattah Haji Abdullah**.

Penganjuran majlis dan konvensyen dengan tema “Koperasi Sekolah Untuk Kesejahteraan Warga Sekolah” pada kali ini merupakan satu platform bagi menyemai semangat berkoperasi dan keusahawanan dalam kalangan murid sekolah dan memberi pendedahan melalui sesi pembentangan oleh wakil koperasi sekolah yang hadir.

Sebanyak 2 (dua) hadiah utama dipertandingkan bagi HKS iaitu **Guru Pembimbing Koperasi Terbaik** dan **Kopertor Koperasi Terbaik** manakala KPKKS juga turut mempertandingkan dua hadiah utama iaitu **Pengurus Koperasi Terbaik** dan **Pidato Terbaik**. Sebanyak _____ orang wakil dari _____ buah koperasi sekolah mengambil bahagian dalam sesi pembentangan pada tahun ini.

Sehingga Jun 2015, terdapat sebanyak 2,335 buah koperasi sekolah dengan keanggotaan seramai 2,107,231 dan RM230.30 juta menterjemahkan kepentingan membudayakan amalan berkoperasi dan mempraktikkan sifat berdikari, berdemokrasi, bekerjasama dan mengasah bakat kepimpinan dalam diri pelajar. Dengan jumlah kealian koperasi yang semakin meningkat gerakan koperasi sekolah mampu meransang dan menyumbang kepada Keluaran Negara Dalam Kasar (KDNK) Negara.

ANGKASA berharap sambutan HKS dapat menjadi satu asas dan platform menyebarkan peranan dan aktiviti koperasi sekolah kepada masyarakat dan seterusnya membentuk pemimpin koperasi berkualiti pada masa akan datang.

ANGKASA

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Pada masa ini ANGKASA menaungi kira-kira 12,769 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Sehingga 31 Disember 2015 jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak RM 13.81 billion, jumlah aset RM 123.27 billion dan perolehan sebanyak RM 33.56 billion (sasaran 2015, RM37 billion; sasaran 2020, RM50 billion). (Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA
Tel : 03-7884 6493
Faks: 03-7884 6489